

30 MAC 2018

## Waspada tawaran ke luar negara: BIKUM

Ms.24 Jumaat, 30 Mac 2018 BH

### → MASYARAKAT

**MANGSA KELDAI DADAH SINDIKET PENGEDARAN ANTARABANGSA**

# Waspada tawaran ke luar negara: BIKUM

**Rakyat dinasihat berhati-hati elak diperalat sindiket penjenayah**

Oleh Nur Afiradina Arshad  
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

**B**iro Kebajikan UMNO Malaysia (BIKUM) menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati ketika menerima sebarang tawaran ke luar negara kerana bimbang akan diperalatkan sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

Setiasa BIKUM, Awie Shoublu

Jamal, berkata hasil pemerhatian dalam beberapa kes mangsa yang terbabit dengan sindiket pengedaran dadah antarabangsa, mereka didapati mudah terpengaruh dengan tawaran menarik yang diberikan.

"Setakat ini kita dapat tahu empat lagi rakyat Malaysia yang terkandas di luar negara angkara sindiket terbabit dan modus operandi (MO) yang digunakan masih sama cuma sasaran mereka kali ini berbeza.

**Kini guna mangsa lelaki**

"Sebelum ini kita lihat ramai mangsa terdiri daripada wanita tapi untuk kali ini sindiket menggunakan mangsa lelaki pula yang tidak tahu membaca serta berperwatakan lembut," katanya dalam sesi sembang santai bersama dua mangsa sindiket pengedaran dadah antarabangsa di sini, semalam.

Awie juga memaklumkan kepada rakyat Malaysia supaya berhati-hati dan mengetahui beberapa kaedah bagi mengelakkan diri menjadi mangsa sindiket berkenaan.

"Saya berharap rakyat Malaysia yang menerima tawaran pekerjaan, percutian atau apa sahaja yang membabitkan luar negara supaya menyemak agensi yang menawarkan perkhidmatan terbabit di kedutaan atau Wisma Putra.

"Langkah pertama adalah mengetahui nombor kedutaan di negara berkenaan dan memaklumkan kepada keluarga di Malaysia untuk menghubungi Wisma Putra jika berlaku sebarang masalah," katanya.

Awie menegaskan, BIKUM hanya menolong dan membawa pulang rakyat Malaysia yang menjadi mangsa iaitu mereka yang teraniaya dan bukan penjenayah yang terbabit dalam sindiket.

[FOTO MAHZIR MAT ISA/BH]



**Awie (kanan) bersama dua mangsa sindiket pengedaran dadah antarabangsa di Peru, Nor Azimah Sapie (dua dari kiri), Nor Suzana Azmi dan pegawai BIKUM, Kamaruzaman Ahmad (kiri) pada sesi sembang santai di Kuala Lumpur, semalam.**